

25/08/2002

Khair Toyo serlah kepimpinan terajui Selangor

Minarni Mat Saad

KEHADIRAN Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dalam kancah politik bermula sebagai seorang pemimpin muda yang disenangi di kalangan rakan dan ahli politik lain kerana imejnya yang bersih dan warak.

Sebagai seorang pemimpin muda Melayu, beliau amat komited dalam memperjuangkan nasib dan masa depan bangsa. Namun, ketika itu pembabitannya agak terbatas kerana beliau hanya Ahli Jawatankuasa Pergerakan Pemuda Umno bukan seorang Menteri Besar yang boleh memberi arahan dan membuat keputusan.

Walaupun, dianggap masih baru dan muda dalam kancah politik, Dr Mohamad Khir mempunyai banyak idea bernas dan wawasan yang jitu. Beliau sentiasa muncul dengan pelbagai 'modal' baru untuk dilaksanakan di Selangor.

Pada awal kemunculan, ramai juga yang terkejut kerana Dr Mohamad Khir bukanlah nama yang termasuk dalam senarai spekulasi. Di saat orang lain sudah mula pukul canang, si anu dan si anu bakal MB Selangor, beliau terus gigih melaksanakan tanggungjawabnya sebagai wakil rakyat dan doktor gigi.

Ketika itu beliau baru enam bulan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor selepas menang pilihan raya umum yang diadakan pada 1999.

Sebagai ahli politik, siapa yang tidak terdetik di hati untuk menerajui pucuk pimpinan negeri. Namun, sebagai orang baru Dr Mohamad Khir menganggap belum tiba masanya lagi.

Pemilihan Dr Mohamad Khir menjadi kejutan bukan saja di kalangan rakyat tetapi pemimpin di Selangor sendiri kerana beliau kurang dikenali.

Bagaimanapun, ramai tidak sedar yang beliau memiliki rekod peribadi yang cemerlang sehingga menjadi pilihan pucuk pimpinan tertinggi, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi kepercayaan kepada beliau yang masih dianggap hingusan pada ketika itu.

Sebagai pemimpin yang baru muncul, Dr Mohamad Khir disebut-sebut sebagai angkatan baru yang amat berpotensi dalam kepimpinan yang diperlukan oleh agama, bangsa dan negara.

Beliau dilihat sebagai orang muda yang penuh semangat dan bertenaga untuk memacu jentera pentadbiran Selangor agar terus cemerlang dalam segala bidang.

Sebenarnya Selangor sudah maju sebelum beliau menjadi Menteri Besar lagi. Di era kepimpinan Tan Sri Muhamamd Muhd Taib, Selangor melonjak sebagai sebuah negeri yang begitu pesat membangun.

Apabila Dr Mohamad Khir mengambil alih tampuk pemerintahan negeri, tanggungjawabnya lebih berat dan mencabar iaitu untuk mengisi pembangunan itu yang dalam ertikata sebenar bukan semata-mata dalam aspek fizikal tetapi turut membabitkan sosial.

Pembangunan yang ada di Selangor tidak bermakna beliau harus berehat dan menikmatinya dari bilik kaca berhawa dingin sebaliknya mesti turun ke padang mengenal masalah rakyat dan bersama-sama menghayati pembangunan negeri, khususnya di kawasan luar bandar.

Sepanjang dua tahun yang penuh mencabar sebagai Menteri Besar, Dr Mohamad Khir berjaya menyerlahkan kemampuannya sebagai pemimpin dan membuktikan bahawa usia muda bukan penghalang untuk membawa Selangor ke mercu kejayaan. Semalam, 24 Ogos genap dua tahun beliau menjadi MB Selangor ke-13.

Bagi Dr Mohamad Khir, sementara pembangunan fizikal pesat berjalan, tumpuan kini perlu diberikan kepada pembangunan mental dan fizikal dengan menekankan kepada kualiti manusia.

Ini kerana dalam kepesatan pembangunan sehingga mengundang penghijrahan rakyat tempatan dan warga asing ke Selangor, pelbagai permasalahan sosial wujud yang perlu ditangani dengan baik. Justeru, pembangunan manusia dari segi rohani perlu diberi keutamaan.

Penghijrahan penduduk ke Selangor yang berhasrat untuk menikmati kehidupan yang lebih baik membuatkan kerajaan negeri di bawah pimpinan Dr Mohamad Khir terpaksa memikirkan pendekatan khusus untuk menangani masalah setinggan.

Justeru itu, pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah giat dibangunkan bagi memastikan semua penduduk berpeluang memiliki kediaman yang selesa mengikut kemampuan masing-masing.

Dalam usaha membantu kakitangan kerajaan dan pegawai berpendapatan rendah di Selangor memiliki kediaman yang selesa, Dr Mohamad Khir menggerakkan idea pembinaan rumah majlis atau council homes.

"Saya tidak mahu kakitangan kerajaan di Selangor tinggal di rumah setinggan. Jika cara hidup mereka tidak sihat dan selesa mereka tidak dapat memberi tumpuan kepada kerja.

"Bila kita dirikan rumah majlis mereka boleh mendiami kawasan perumahan yang selesa dan lengkap dengan pelbagai kemudahan asas. Mereka tidak dibebankan dengan masalah persekitaran dan mampu memberikan perkhidmatan yang baik kepada kerajaan," katanya.

Malah, Dr Mohamad Khir berkata, beliau bangga kerana idea mendirikan rumah majlis itu mendapat restu Kerajaan Persekutuan yang memberikan tambahan peruntukan agar lebih banyak rumah majlis dibina di Selangor.

Melalui rumah majlis yang didirikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, kakitangan kerajaan negeri yang belum mempunyai kediaman boleh menyewa selain menjadi penempatan sementara untuk mereka yang dilanda bencana seperti mangsa banjir dan kebakaran atau golongan yang benar-benar memerlukan rumah sementara disebabkan kemiskinan.

Bercakap mengenai kemiskinan, Dr Mohamad Khir amat prihatin dalam memastikan setiap rakyat di Selangor mempunyai sekurang-kurangnya satu rumah. Bagi mereka yang kurang berkemampuan, program khas iaitu Kerajaan Prihatin dilaksanakan bagi membolehkan golongan miskin turut berpeluang mendiami rumah sendiri yang selesa.

Setiap anak syarikat kerajaan negeri diarahkan menyumbang peruntukan RM1 juta untuk membantu melaksanakan program itu dengan membina dan membaik pulih rumah rakyat termiskin yang dikenal pasti Pejabat Daerah.

Melalui program pembangunan insan pula, beliau mahu semua orang bermula dari pegawai kanan sehingga penghulu dan ketua kampung diberikan kefahaman sejelas-jelasnya mengenai arah mana yang mahu ditujui.

"Kita mahu mereka faham apa makna Selangor maju 2005 dan Wawasan 2020. Kita sudah membangun, kita ada segala-galanya, prasarana kemudahan lapangan terbang, jalan raya dan pelabuhan dan lain-lain yang telah dan sedang membangun, oleh itu, kita perlu memberi tumpuan dalam membangunkan manusia bagi menyeimbangi kemajuan yang ada," ujar beliau.

Menurut beliau, kemudahan yang ada itu membolehkan pembangunan ekonomi berjalan lancar dan kerajaan negeri hanya perlu meneruskannya dengan membuat penelitian dan perancangan yang lebih rapi.

Sehubungan itu, melalui Jawatankuasa Tetap Bina Insan yang dipengerusikan beliau sendiri, Dr Mohamad Khir mengarahkan pelbagai program diadakan dengan membabitkan semua kaum dalam usaha mewujudkan insan rabani dan masyarakat madani di Selangor.

Masalah sosial seperti gangsterisme, sumbang mahram, budaya lepak, punk, ponteng sekolah sentiasa dipandang serius oleh kepimpinan negeri. Bagi menangani masalah itu, Dr Mohamad Khir mengambil pendekatan merapatkan diri dengan golongan belia melalui pelbagai program belia yang ada di Selangor.

Beliau mahu Majlis Belia Selangor menganjurkan pelbagai program yang disertai golongan muda semua kaum dan diadakan berterusan di setiap daerah, mukim dan kampung.

Komitmen Dr Mohamad Khir terhadap golongan belia jelas apabila bersetuju untuk menerajui pucuk kepimpinan Majlis Belia Malaysia (MBM) sebagai Presiden dengan hasrat untuk memberikan idea dan menggerakkan pertubuhan belia.

Dalam masa yang sama, beliau tidak jemu menghadiri jemputan ke seluruh daerah bagi program Mesra Rakyat yang menjadi agenda utama kerajaan negeri untuk mendekatkan diri antara pemimpin dan rakyat.

Sehubungan itu, beliau amat menekankan kepada meningkatkan mutu pentadbiran melalui pengurusan yang baik iaitu mereka yang sudah dibangunkan jiwanya.

"Kita mahu menjadikan Selangor negeri contoh dalam pembangunan ekonomi dan perindustrian malah biarlah Selangor menjadi makmal dalam segala bidang yang menjadi contoh dan ikutan negeri lain.

"Sekarang adalah masa untuk kita muncul di arena antarabangsa dalam segala bidang, baik ekonomi, pendidikan dan sosial malah saya berhasrat agar usahawan Selangor mampu mengembangkan sayapnya ke peringkat global," katanya.

Justeru, kerajaan negeri di bawah pimpinan beliau begitu gigih membantu usahawan Bumiputera khususnya Industri Kecil dan Sederhana bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat global.

Melalui anak syarikat, SSIC Berhad yang menjadi agensi pelaburan Selangor, kerajaan negeri mengadakan pelbagai promosi untuk menarik pelabur asing ke Selangor.

Dalam masa yang sama, SSIC Berhad turut membantu usahawan IKS membangunkan produk mereka agar setanding dengan produk luar negara terutama dari segi pembungkusan, kualiti dan pengeluaran.

"Kita menghantar misi perdagangan kita ke luar negara dari masa ke semasa untuk memberi penerangan mengenai peluang pelaburan di Selangor.

"Kita jelaskan kepada bakal pelabur mengenai keistimewaan dan kemudahan yang ada di Selangor," katanya.

Terbaru, Dr Mohamad Khir baru saja ke Los Angeles untuk melancarkan produk IKS Selangor yang akan dipasarkan oleh sebuah syarikat agen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di sana.

Menteri Besar berkata, dalam menggalakkan penyertaan pelabur tempatan dan asing ke Selangor, banyak kawasan perindustrian baru diwujudkan dengan menyediakan pelbagai kemudahan istimewa kepada pelabur.

"Misi dagangan dan kempen yang kita jalankan boleh dikatakan berjaya menarik pelaburan ke Selangor. Pelaburan tertinggi adalah dari Jepun diikuti Taiwan dan Singapura," katanya.

Dalam tempoh dua tahun ini, jumlah pelaburan asing ke Selangor meningkat dengan pesat. Walaupun dalam zaman kegawatan ekonomi, Selangor terus menjadi tumpuan pelabur asing dan kilang dibangunkan di merata pelusuk negeri.

Kebanyakan pelabur datang dari Jepun dan Taiwan manakala pelabur dari Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah semakin bertambah dan dalam waktu yang sama beberapa syarikat multinasional yang sudah lama bertapak di Selangor terus meningkatkan nilai pelaburan mereka.

Apa yang pasti, Selangor akan terus berada seiring dengan misi dan visi Kerajaan Persekutuan untuk memastikan matlamat Wawasan 2020 menjadi kenyataan dan dalam masa yang sama sasaran mencapai Selangor Maju 2005 terus dilaksanakan.

"Hasrat saya pada tahun 2005 nanti, tiada lagi setingan, tiada lagi kemiskinan dan tiada lagi buta huruf sebaliknya rakyat hidup dalam suasana kondusif yang melambangkan kejayaan kerajaan sebagai pemerintah," katanya.

